



## Lelaki yang lakukan khianat hidap Bipolar, positif dadah

NORAWAZNI YUSOF | | 18 Julai 2022

ROMPIN - Seorang lelaki yang melakukan perbuatan khianat dalam dua kes berasingan di Kuala Rompin disahkan mempunyai penyakit gangguan bipolar dan positif dadah.

Ketua Polis Daerah Rompin, Duputi Superintenden Mohd Azahari Mukhtar berkata, dalam kejadian pertama, suspek dikatakan merosakkan kenderaan di Balai Cukai Balak Hutan di Jalan Selendang-Berabong, Kuala Rompin pada 14 Julai lalu.

Menurutnya, manakala kes kedua dilakukan suspek pada 15 Julai dengan bertindak membakar kaunter pembayaran di sebuah restoran di Bukit Serdang di sini.

“Penahanan yang suspek dibuat bersabit dengan laporan yang dibuat oleh mangsa yang mengalami kerosakan pada kenderaan.

“Namun begitu, pemilik restoran pula tidak mahu membuat laporan berhubung kejadian terbabit dan siasatan polis pula mendapati suspek mengalami gangguan bipolar,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau memaklumkan perbuatan membakar kaunter di sebuah restoran telah tular di Twitter dan video berdurasi dua minit dimuat naik oleh pemegang akaun @NanManjoi8715.

Katanya, pada 14 Julai lalu, suspek telah bertindak merosakkan sebuah kereta di Balai Cukai Balak Hutan Jalan Selendang Berabong dengan sebilah sabit.

Tambahnya, pemilik kenderaan terbabit telah datang ke Balai Polis Kuala Rompin bagi membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana perbuatan khianat ke atas harta benda.

“Suspek juga didapati positif dadah serta disiasat di bawah Seksyen 15(1)a Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952,” ujarnya.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/211817/BERITA/Semasa/Lelaki-yang-lakukan-khianat-hidap-Bipolar-positif-dadah>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf